23

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10337

SOALAN :

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) Jumlah pekerja asing yang sah pada masa kini. Nyatakan jantina serta negara asal mereka; dan

(b) Anggaran pendatang tanpa izin yang berada dalam negara pada masa kini dan negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2017, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif di Malaysia adalah seramai 1,732,944 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Manakala, pecahan mengikut lima (5) warganegara tertinggi dan jantina sehingga 30 September 2017 adalah seperti berikut :

BIL.	WARGANEGARA	JANTINA		JUMLAH (ORANG)
		L	P	
1.	Indonesia	450,004	257,177	707, 181
2.	Nepal	373,536	11,784	385,320
3.	Bangladesh	222,273	595	222,868
4.	Myanmar	100,671	20,379	121,050
5.	India	111,461	2,167	113,628
6.	Lain-lain	113,323	69,574	182,897
JUMLAH		1,371,268	361,676	1,732,944

Kerajaan menyedari bahawa masih terdapat Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang bekerja dengan tidak sah di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mempunyai anggaran yang tepat jumlah PATI yang berada di negara.